

# Polis diminta laksana tugas penuh tawaduk

BH- 16/3/2007

## PM mahu anggota terus cemerlang sejajar konsep Islam Hadhari

Oleh Hardi Effendi Yaacob

**K**UALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan anggota polis supaya menjalankan tugas dengan penuh tawaduk, sejajar dengan prinsip yang digariskan dalam konsep Islam Hadhari.

Beliau yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, tugas memelihara keselamatan negara dan rakyat adalah fardhu kifayah, malah ia satu perkara yang digalakkan Islam.

"Bila pilih jadi polis, itu sudah jadi fardhu ain kerana khidmat kita adalah kepada bangsa, agama dan negara. Bila negara aman, ini bukan saja menyumbang kepada pembentukan sebuah negara bertamadun, malah membolehkan pembangunan dilaksanakan tanpa sebarang masalah.

"Ini akan memberi banyak manfaat kepada rakyat. Justeru, saya minta semua anggota polis supaya teruskan kecemerlangan mereka dalam tugas. Jagalah keselamatan dan

keamanan negara ini baik-baik," katanya ketika merasmikan buku *Islam Hadhari Polis DiRaja Malaysia* (PDRM), di Masjid Bukit Aman, di sini, malam tadi.

Hadir sama, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Johari Baharum; Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan dan Panglima

**“ Saya minta semua anggota polis supaya teruskan kecemerlangan mereka dalam tugas. Jagalah keselamatan dan keamanan negara ini baik-baik”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Abdul Aziz Zainal Abidin.

Terdahulu, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri bersama tetamu kehormat, pegawai kanan dan anggota PDRM menghadiri majlis tahlil sempena sambutan Hari Polis Ke-200 yang akan disambut pada 25 Mac ini.

Katanya, Islam amat menyanjung tinggi setiap pekerjaan yang berkaitan tugas memelihara keselamatan dan keamanan negara.

"Ini satu pekerjaan yang dituntut oleh agama dan perkara itu memang tercatat dalam al-Quran dan hadis," katanya.

Abdullah turut menyambut baik usaha menerbitkan buku *Islam Hadhari PDRM* kerana ia membuka peluang setiap warga polis menghayati konsep Islam Hadhari secara lebih mendalam, seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan seharian, termasuk tugas yang dilaksanakan,

"Ia (Islam Hadhari) bukan saja di kagumi umat Islam di seluruh dunia, malah agama lain. Saya berharap

agar konsep Islam Hadhari, yang membawa banyak unsur kebaikan dan kesempurnaan ini dihayati dan diamalkan dalam kehidupan kita semua," katanya.

Sementara itu, Musa berkata, Program Islam Hadhari PDRM yang dilancarkan malam tadi selaras dengan Pelan Lima Tahun PDRM, bermula tahun ini, dalam usaha penambahbaikan mutu perkhidmatan pasukan keselamatan berkenaan.

"Untuk menjayakan usaha ini, kita menetapkan sasaran 45 peratus bagi pembangunan modal insan, 40 peratus untuk keperluan logistik seperti dituntut dalam Islam Hadhari. Ini termasuk aspek perumahan bagi anggota, dengan setiap unit akan dilengkapi dengan tiga bilik.

"Sebanyak 15 peratus lagi membolehkan hubungan kita dengan masyarakat. Ini semua akan kita gabungkan sekali dengan Pelan Lima Tahun PDRM yang baru saja kita lancarkan. Matlamatnya untuk menambah baik mutu perkhidmatan polis kita," katanya.